

# ‘Semoga dia terus istiqamah’

**Kuala Lumpur:** “Saya percaya ada sesuatu yang berlaku kepada Munir yang mendorongnya untuk berubah menjadi baik, yang pasti hanya dia mengetahui apa yang berlaku sehingga mendapat kekuatan untuk berubah,” kata Kaunselor Berdaftar merangkap Perunding Psikologi Individu dan Keluarga, Universiti Putra Malaysia (UPM) Siti Fatimah Abdul Ghani.

Beliau berkata, seseorang yang pernah melakukan dosa besar perlu bertaubat dan memohon keampunan Allah SWT dengan taubat nasuha yang ikhlas.

“Perubahan sikap dipengaruhi oleh proses afektif yang mana perkaitan antara pertimbangan emosi dan kognitif individu.

“Perilaku tidak hanya ditentukan oleh pemikiran (proses kognitif) tapi juga faktor subjektif seperti hasrat dan emosi,” katanya ketika dihubungi di sini.

Siti Fatimah berkata, individu yang boleh berubah diistilahkan sebagai ‘cognitive dissonance’ iaitu perubahan sikap terjadi disebabkan proses ketidakserasan antara perilaku dan keyakinan dan respon afektif yang bersifat peribadi yang dipengaruhi oleh situasi tertentu dalam hidup.



**SITI**

“Kesedaran ini terjadi hasil daripada pertimbangan faktor dalaman dan luaran menyebabkan individu mulai sedar tiada apa yang berfaedah untuk dirinya.

“Proses motivasi yang mempengaruhi perubahan sikap disebabkan faktor dalaman iaitu dorongan, perasaan menyebabkan individu mahu berubah manakala faktor luaran ialah pengaruh sosial,” katanya.

“Katanya, faktor pengaruh sosial adalah penting untuk perubahan tingkah laku sebagai sokongan emosi untuk mereka kembali berfungsi dan diterima dalam masyarakat.

“Semoga dia terus istiqamah untuk berubah dan menarik lagi ramai untuk melakukan perkara yang sama (berubah),” katanya.